

on 19 June 2014



KOTA SAMARAHAN, 19 Jun 2014 : Wartawan dari News Strait Times (NST), Cik Goh Pei Pei menemuramah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UNIMAS, Profesor Dr Kopli Bujang di Pejabat TNC (P&I), Bangunan Canselori, hari ini.

Temuramah tersebut bersempena dengan 100 hari perkhidmatan Profesor Dr Kopli memegang jawatan TNC(P&I) dan soalan yang dikemukakan menjurus kepada peranan dan tugas TNC (P&I) dalam menjayakan misi dan visi UNIMAS serta usaha ke arah membantu pembangunan SCORE di negeri ini.

Profesor Dr Kopli Bujang berkelulusan BSc (II Upper) dalam Mikrobiologi, Universiti Malaya, MSc dalam Mikrobiologi, Universiti Wales, United Kingdom dan PhD dalam Bioteknologi, Universiti London, United Kingdom.

Antara jawatan tinggi di UNIMAS yang pernah disandang oleh beliau seperti pensyarah, Pengarah Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan, Dekan Pusat Pengajian Siswazah dan seterusnya dilantik sebagai TNC (P&I) pada 13 Mac 2014.

Artikel oleh Sarena Haidir

Foto oleh Azlandy Mohammid Ali Tuah